



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3 / B.2)
JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II**
JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. TANGGA GAJI B.2 EB.3

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Qiraat / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

2. TANGGA GAJI B.2

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Qiraat / Syariah / Usuluddin **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI INSPEKTORAT AGAMA DAN DOKTRIN

1. Membuat penyelidikan dan menganalisa mengenai isu-isu dan perkara-perkara tertentu baik yang berhubungkait dengan teologi agama, sosio-politik dan sejarah sosial agama, ketenteraan, sosial, kebudayaan mahupun politik dalam dan luar Negara;
2. Menghadapkan isu-isu dan memberi pandangan melalui penyediaan laporan kepada pengguna-pengguna mengenai perkara-perkara dan isu-isu semasa yang berbangkit sama ada dari dalam atau luar Negara;
3. Menyediakan maklumat dan analisa sebagai persediaan Pegawai-Pegawai Kanan pertahanan dan tentera bagi sebarang keperluan operasi serta mengenal pasti isu-isu penting berdasarkan pengaruh kefahaman agama yang menyeleweng sebagai panduan perbincangan; dan
4. Kerja-kerja lain yang diarahkan Pegawai-Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

DI TARBIYAH AGAMA

1. Menjalankan kajian berhubung dengan Al-Quran dan Hadith bagi meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti penyampaian dan perkhidmatan Jabatanarah dan juga meyebarluaskan dan mengembangkan pengetahuan Anggota Tentera dan Awam di Kementerian Pertahanan berkaitan Al-Quran dan Hadith;
2. Menjalankan kaji selidik menyeluruh ke atas Anggota Tentera akan tahap pembacaan Al-Quran ke arah menyediakan strategi Pendidikan yang betul kepada setiap Anggota Tentera;
3. Merancang dan memantapkan usaha dalam mendidik setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk sentiasa membudayakan pembacaan Al-Quran, menghayatinya dan mengamalkan ajarannya;
4. Merancang dan melaksanakan program pembelajaran Al-Quran (kelas-kelas mengaji) di setiap Garison, Perkhemahan dan Pangkalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;
5. Menjadi ahli tetap dalam Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Ujian Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran di Peringkat Angkatan Tentera atau Kementerian Pertahanan; dan
6. Kerja-kerja lain yang diarahkan Pegawai-Pegawai atasan dari semasa ke semasa.